

26 AUG 1997

Bolkiah-Pertemuan

PERTEMUAN KETUA KERAJAAN MALAYSIA-BRUNEI SETIAP TAHUN

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Brunei hari ini bersetuju untuk menjadikan pertemuan antara ketua kerajaan kedua-dua negara sebagai acara tahunan mulai tahun ini.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata cadangan itu dikemukakan oleh Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah pada mesyuarat delegasi Malaysia-Brunei di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Ini disebabkan kedua-dua pemimpin telah mengakui ada kebaikannya dan faedah serta manfaatnya daripada pertemuan seumpama ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan kira-kira sejam itu.

Mesyuarat delegasi itu sempena lawatan empat hari Sultan Hassanal Bolkiah ke sini bermula semalam.

Abdullah berkata, Bandar Sri Begawan akan menjadi tuan rumah pertemuan tahunan hadapan dalam persetujuan bagi mengadakan mesyuarat itu secara bergilir-gilir.

Beliau berkata pertemuan tahunan itu akan membincangkan perkara-perkara di peringkat dasar dan makro mengenai hubungan dan kerjasama kedua-dua negara.

Abdullah berkata Suruhanjaya Bersama Malaysia-Brunei akan terus mengadakan pertemuan tahunan bagi membincangkan soal-soal di peringkat terperinci dan teknikal mengenai keputusan yang dicapai pada pertemuan ketua-ketua kerajaan.

Selain Abdullah, delegasi Malaysia yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dianggotai Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud selaku menteri pengiring.

Delegasi Brunei yang diketuai Sultan Hassanal Bolkiah terdiri daripada Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama Datuk Seri Setia Awang Haji Abul Rahman Mohd Taib dan Pesuruhjaya Tinggi Brunei ke Malaysia, Pengiran Haji Mohd Yusof Abdul Rahim.

Kali terakhir Sultan Brunei melakukan lawatan rasmi ke negara ini adalah pada 1992.

Abdullah berkata, walaupun Malaysia dan Brunei tidak mempunyai masalah yang boleh dianggap rumit, kedua-dua pemimpin percaya pemupukan sikap saling memahami melalui pertemuan lebih kerap di peringkat pegawai kanan, menteri dan ketua-ketua kerajaan akan membawa manfaat besar kepada hubungan dua hala.

"Sebenarnya tidak ada masalah yang boleh dianggap terlalu susah, terlalu rumit untuk diselesaikan. Kedua-dua pemimpin bersetuju supaya hubungan antara Malaysia dan Brunei mesti terus dieratkan lagi, diperkukuhkan lagi dan persefahaman juga begitu, akan diperkukuhkan lagi.

"Apabila semua itu ada, maka lebih mudahlah kita mengendalikan apa juga perkara yang ada hubungkait dengan hubungan dua hala antara Malaysia dan Brunei. Kalau semangat ini tidak ada dan perasaan sikap ini tidak ada, dia (hubungan) tentu akan menjadi rumit," katanya. -- BERNAMA

AH MAI